



### Seminar 'Border Crossing in Cancer Volunteerism' Satukan Sukarelawan



*Prof. Dr. Rosemary S. Caffarella (tengah, duduk barisan kedua) bersama peserta Seminar 'Border Crossing in Cancer Volunteerism'.*

**SERDANG 15 Mei** – Seminar 'Border Crossing in Cancer Volunteerism' mendapat sambutan seramai 30 sukarelawan agensi kerajaan dan bukan kerajaan (NGO) untuk meningkatkan pengetahuan terkini mengenai penyakit kanser.

Professor of Adult and Extension Education dan International Studies, Cornell University, Rosemary S. Caffarell berkata sukarelawan memainkan peranan yang penting menyebarkan maklumat terkini bagi penyakit kanser kepada pihak yang memerlukan.

"Perkongsian idea dan tenaga sukarelawan antara agensi besar menjayakan lagi program kesedaran kanser serta berpotensi meningkatkan sumber bantuan perubatan dan kewangan dari pihak berkuasa bagi penyakit kanser," katanya.



*Pengarah CaRe Prof. Dr. Mazanah Muhamad berkata seminar tersebut berjaya menghimpunkan wakil-wakil daripada pelbagai agensi.*

Beliau berkata 'Border Crossing' (konsep merentas sempadan) itu bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengesan tanda-tanda penyakit barah, mengetahui pengalaman hidup pesakit kanser dan meningkatkan lagi sumber untuk berkhidmat kepada pesakit kanser.

"Antara strategi merentas sempadan adalah membiayai aktiviti gabungan dan program kesedaran kanser serta berkongsi sumber teknologi bercetak berkenaan pengajian kanser," kata Rosemary.

"Penubuhan program latihan yang efektif untuk sukarelawan amat diperlukan bagi rakyat Malaysia memahami erti kesukarelawan," kata beliau dalam seminar anjuran Cancer

Resource & Education Center (CaRE) di bawah naungan Institusi Pengajian Sains Sosial (IPSAS) Universiti Putra Malaysia (UPM).



*Prof. Dr. Rosemary S. Caffarella ketika menyampaikan ceramah di Dewan Ibnu Sina, UPM.*

Sementara itu, Pengarah CaRe, Prof. Dr. Mazanah Muhamad berkata seminar ini berjaya menyatukan wakil daripada pelbagai agensi dan memberi peluang untuk berkongsi pengalaman serta pengetahuan ketika berkhidmat sebagai sukarelawan kanser.

“Salinan butiran agensi setiap sukarelawan diagihkan dalam penghujung seminar bagi memudahkan mereka menghubungi dan menyebarkan maklumat kanser,” katanya.

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Parimala Subramani 'wartawan pelatih' 03-89466014).**